



## KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

---

### ARAHAN PENTADBIRAN BILANGAN 2 TAHUN 2019

---

#### PEMATUHAN PAKAIAN SEMASA WAKTU BEKERJA, PEMATUHAN PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA, PEMATUHAN PAKAIAN BAJU MELAYU, PEMATUHAN PAKAIAN BAJU KORPORAT DAN SERAGAM

#### TUJUAN

Arahan ini bertujuan untuk pelaksanaan pematuhan jenis pakaian yang sesuai dan kemas dipakai semasa bekerja bagi pegawai-pegawai awam Kementerian Wilayah Persekutuan.

#### LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah menetapkan jenis pakaian yang sesuai dan kemas dipakai semasa bekerja dan menghadiri upacara rasmi bagi penjawat awam selaras dengan **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1985** (Pakaian Masa Bekerja dan Semasa Menghadiri Upacara-upacara Rasmi Bagi Pegawai-pegawai Awam), **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2013** (Pemakaian *Two/Three – Piece Pant Suit* Bagi Pegawai Awam Wanita Semasa Bekerja) dan **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2008** (Pemakaian Pakaian Batik Malaysia Oleh Pegawai Awam Pada Hari Khamis).

#### KAEDAH PELAKSANAAN

3. Pematuhan kepada arahan pekelling-pekelling Perkhidmatan Awam adalah seperti berikut:

(i) Pakaian Lelaki

- (a) Pegawai-pegawai lelaki dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional, "*lounge suit*" atau "*bush jacket*" dengan seluar panjang berserta baju kemeja dan bertali leher dengan warna yang sesuai; baju hendaklah dimasukkan ke dalam; jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipat.
- (b) Bagi pegawai-pegawai lelaki Kumpulan Pelaksana, seluar panjang berserta baju kemeja dengan warna yang sesuai; baju hendaklah dimasukkan ke dalam; jika baju tersebut berlengan panjang, tangan baju hendaklah jangan dilipat.
- (c) "*Jeans*" atau seluar pendek tidak boleh dipakai semasa bekerja.

Sila rujuk **Lampiran A**

(ii) Pemakaian Baju Melayu

- (a) Pematuhan pemakaian baju Melayu oleh pegawai dan kakitangan lelaki di Kementerian Wilayah Persekutuan yang dibenarkan adalah pakaian baju Melayu lengkap dengan bersamping dan bersongkok hitam atau baju yang mirip dengan potongan baju Melayu dan dipakai dengan seluar panjang seperti di **Lampiran B1**.
- (b) Pemakaian baju Melayu digalakkan dipakai pada **setiap Hari Jumaat**.
- (c) **Pemakaian baju Melayu dengan kain sarong tidak dibenarkan.**

(iii) Pakaian Wanita

- (a) Pakaian Kebangsaan atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai dipakai semasa bekerja seperti di **Lampiran B2**;

- (b) "*Jeans*", seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja; dan
  - (c) Bersesuaian dengan kepelbagaian bidang yang diceburi oleh kaum wanita dalam perkhidmatan awam ketika ini, maka Kerajaan membenarkan pemakaian *two/three – piece pant suit* bagi pegawai awam wanita semasa bekerja atau menghadiri upacara rasmi kecuali upacara tersebut telah menetapkan pakaian tertentu seperti di **Lampiran C**. Baju *suit* hendaklah melepasi paras pinggul.
- (iv) Pakaian Seragam (Lelaki dan Wanita)
- (a) Pakaian seragam hendaklah sentiasa dipakai semasa bekerja bagi mereka yang dibekalkan dengannya seperti Pembantu Operasi dan Pemandu Kenderaan seperti di **Lampiran D**.
- (v) Pematuhan pemakaian Batik Malaysia
- (a) Pematuhan baju batik oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Wilayah Persekutuan adalah pada **setiap hari Khamis**.
  - (b) Bagi pegawai lelaki, hendaklah memakai kemeja fesyen batik Malaysia berlengan panjang manakala bagi pegawai wanita hendaklah memakai pakaian fesyen batik Malaysia yang bersesuaian.
  - (c) Pegawai-pegawai awam yang menyertai rombongan ke luar negeri atas urusan rasmi ataupun dengan anjuran jabatan masing-masing hendaklah pada masa, tempat dan upacara yang sesuai, dan jika dibenarkan, memakai batik buatan Malaysia. Pegawai-pegawai awam adalah juga digalakkan memakai batik buatan Malaysia jika keadaan membenarkan apabila menyertai rombongan ke luar negeri dengan anjuran persatuan, pertubuhan atau koperasi masing-masing.

- (d) Pegawai-pegawai awam yang menghadiri sesuatu upacara, perjumpaan atau mana-mana jemputan, jika ditetapkan memakai batik, hendaklah memakai batik buatan Malaysia seperti di **Lampiran E**.
  
- (vi) Pemakaian Baju Korporat
  - (a) Pematuhan pemakaian baju korporat oleh pegawai dan kakitangan Kementerian Wilayah yang dibenarkan adalah bagi rekabentuk yang berwarna "**lemak ketam**" serta memaparkan logo Kementerian Wilayah Persekutuan dan nama pegawai sahaja.
  - (b) Bagi pegawai lelaki, baju korporat hanya boleh dipakai bersama-sama seluar panjang berwarna gelap manakala bagi pegawai wanita, baju korporat hanya boleh dipakai bersama skirt labuh berbentuk "A" (A-line skirt), paras tumit atau seluar panjang polos berwarna hitam dan tudung berwarna gelap seperti di **Lampiran F**.
  
- (vii) Pemakaian pakaian pejabat lengkap hendaklah berserta **tanda nama (*name tag*)**.
  
- (viii) Kasut hendaklah bertutup. Bagi pegawai lelaki; kasut kulit atau lain-lain yang sejenis dengannya.
  
- (ix) Larangan
  - (a) Pegawai-pegawai awam tidak dibenarkan memakai pakaian yang menjolok mata.
  - (b) Selipar, kasut getah dan kasut sukan tidak boleh dipakai semasa bekerja.

4. Pemantauan ke atas Arahan ini akan dibuat dari semasa ke semasa dan sekiranya Arahan Pentadbiran ini tidak dipatuhi, teguran akan diberikan.
5. Tindakan tatatertib boleh diambil sekiranya ingkar perintah atau berkelakuan dengan apa-apa yang boleh ditafsirkan sebagai ingkar perintah.

### **TARIKH KUAT KUASA**

6. Arahan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.


### **PEMAKAIAN**

7. Arahan ini berkuat kuasa kepada semua pegawai dan kakitangan di Kementerian Wilayah Persekutuan.

### **PEMBATALAN**

8. Dengan berkuat kuasanya Arahan Pentadbiran ini, Arahan Pentadbiran Kementerian Wilayah Bilangan 5 Tahun 2018 bertarikh 20 Oktober 2018 adalah **dibatalkan**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



**(DATUK HAJAH ROSIDA BINTI JAAFAR)**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Wilayah Persekutuan

Tarikh: 12 Disember 2019

## PEMATUHAN PAKAIAN SEMASA WAKTU BEKERJA

### LOUNGE SUIT



- Gabungan *2-pieces suit* yang terdiri daripada :
  - Kot
  - Seluar Panjang
- Sut perlu dipadankan dengan kemeja lengan panjang dan tali leher.
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
- Pilihan warna sut yang digalakkan adalah warna hitam.

### KEMEJA



- Pakaian terdiri daripada gabungan baju kemeja dan seluar panjang
- Kemeja berkolar berlengan panjang atau berlengan pendek.
- Kemeja hendaklah dimasukkan ke dalam (*tuck-in*) dan lengan tidak dilipatkan.
- Sekiranya kemeja mempunyai butang kolar, kolar harus dibutangkan.
- Lebar kolar hendaklah bersesuaian.



## PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL BAGI LELAKI



- Pakaian Kebangsaan / tradisional bagi lelaki ialah:

Baju Melayu (digalakkan pada hari Jumaat bagi lelaki Islam)

- Baju Melayu yang lengkap adalah bersamping, bersongkok hitam dan berbutang.
- Baju Melayu tidak dibenarkan dipakai dengan seluar yang berbeza warna atau jenis bahan dan berselipar.

## PAKAIAN KEBANGSAAN / TRADISIONAL BAGI WANITA



- Pakaian Kebangsaan / tradisional bagi wanita ialah:
  - Baju Kurung
  - Baju Kebaya
  - Sari
  - Sut Punjabi
  - Ceongsam
- Baju kurung atau kebaya hendaklah dipakai mengikut keselesaan (tidak terlalu ketat dengan kelabuhan yang bersesuaian).
- Fesyen baju kurung dan baju kebaya hendaklah tidak keterlaluan serta tidak menggunakan fabrik yang jarang.
- Sut Punjabi, Ceongsam dan Sari yang bersesuaian dan sopan.
- Pakaian ini hendaklah dipakai secara lengkap dan bersesuaian untuk menjalankan tugas rasmi.





## TWO/THREE PIECE SUIT PANTS BAGI PEGAWAI AWAM WANITA

### TWO PIECE SUIT PANTS



- Gabungan *two/three piece suits pants* yang terdiri daripada:
  - Kot
  - Seluar panjang
- Sut perlu dipakai dengan kemeja lengan panjang yang dibutangkan atau memakai *cuff link*.
- Seluar dan kot mestilah sepadan dari segi warna dan jenis bahan.
- Pilihan warna sut seluar yang digalakkan adalah warna hitam atau warna gelap.
- Baju *suit* hendaklah melepasi paras pinggul.



### THREE PIECE SUITS PANTS



## BAJU SERAGAM

### PEMBANTU OPERASI

#### LELAKI



#### WANITA



- Pakaian seragam dibekalkan kepada Pemandu dan Pembantu Operasi
- Pakaian seragam hendaklah dipakai ke pejabat dan sepanjang menjalankan tugas.

#### PEMANDU



## BAJU BATIK



- Batik yang dipakai hendaklah batik buatan Malaysia.





## BAJU KORPORAT

### LELAKI



- Baju korporat warna lemak ketam
- Seluar panjang berwarna hitam



### WANITA



- Baju korporat warna lemak ketam
- Seluar panjang berwarna hitam atau skirt labuh hitam berbentuk "A" (*A-line skirt*) paras tumit.
- Tudung berwarna hitam

